

Rakyat perlu miliki budaya mencipta

UM 13 APR 2001

KUALA LUMPUR 12 April — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, rakyat perlu mempunyai budaya mencipta supaya dapat membantu Malaysia muncul sebagai sebuah negara perindustrian yang benar-benar maju menjelang tahun 2020.

Perdana Menteri berkata, mereka juga perlu disemaikan dengan minat terhadap sains dan teknologi bagi menjadi tenaga penggerak bagi merealisasikan wawasan negara itu.

Menurutnya, kerajaan sedar penglibatan pihak swasta dan kerajaan sendiri dalam bidang penyelidikan dan pembangunan (R&D) pada masa ini masih berada di tahap yang rendah.

"Sebagai sebuah negara yang hendak melangkah ke era maju, semua pihak harus memberi keutamaan dalam R&D bagi meningkatkan mutu keluaran produk tempatan," katanya ketika melancarkan bahan tampalan gigi terkini yang dikenali sebagai Silverfil.

Bahan ciptaan penyelidikan tempatan, Dr. S. Radhakrishnan itu merupakan bahan tampalan gigi pertama di dunia yang menggunakan perak sahaja dan bebas daripada raksa.

Ia telah menjalani ujian klinikal selama lebih tujuh tahun dan telah mendapat hak paten daripada sebahagian besar negara maju termasuk Amerika Syarikat, Jepun dan negara-negara di Eropah.

Dr. Mahathir berkata, keperluan menyediakan guna tenaga teknikal, pengalaman dan berkemahiran semakin kritikal berikutan perkembangan ekonomi negara yang pantas di era globalisasi ini dan persaingan yang semakin kompetitif dengan negara lain.

"Bagi membantu meningkatkan daya saing dalam menghadapi cabaran akan datang, pelbagai pendekatan perlu dilaksanakan dengan memberi fokus kepada program berbentuk provatif," katanya.

Sehubungan itu, beliau

mahu institusi-institusi penyelidikan dan universiti memainkan peranan lebih aktif dalam mempertingkatkan kegiatan R&D yang berorientasikan pemasaran.

Katanya, pihak universiti perlu melatih para pelajar sebagai bakal guna tenaga teknikal yang dapat meneruskan kegiatan pembangunan teknologi, R&D dan menampung keperluan guna tenaga mahir yang diperlukan di sektor industri negara.

Pembangunan

"Lebih daripada itu, para graduan daripada bidang teknologi ini kelak diharap akan menjadi *techpreneur* yang dapat menyumbangkan kepada pembangunan ekonomi negara," katanya.

Bagi pihak kerajaan, katanya, pelbagai usaha telah dilaksanakan di bawah The Intensification of Research in Priority Areas (IRPA) termasuk mewujudkan Majlis Penyelidikan dan Kemajuan Sains Negara, Taman Tek-

nologi Malaysia dan mem-
nkeremaskan agensi R&D.

Selain itu, katanya, bantuan kewangan bagi menggalakkan aktiviti R&D juga diwujudkan termasuk menyediakan modal teroka bagi mewujudkan persekitaran yang sesuai untuk R&D.

"Bagi menggalakkan penyertaan usahawan bumiputera dalam bidang teknologi tinggi, kerajaan telah meluluskan peruntukan pinjaman Dana Modal Teroka Berteknologi Tinggi sebanyak RM20 juta," katanya.

Dalam ucapannya itu, Dr. Mahathir turut menyatakan rasa bangganya terhadap usaha inovatif Dr. Radhakrishnan dalam bidang penciptaan produk bioteknologi berasaskan R&D.

"Kejayaan ini membuktikan rakyat Malaysia juga berkemampuan dan berjaya menghasilkan satu produk berteknologi tinggi di bawah kategori bioteknologi berasaskan R&D," katanya.